

# PENYU IKON TERENGGANU

## Pengurusan Penyu

➤ Terdapat empat spesis penyu yang mendarat di Terengganu:

1. Penyu Agar / Green Turtle (*Chelonia mydas*)



2. Penyu Karah / Hawksbill Sea Turtle (*Eretmochelys imbricata*)



3. Penyu Belimbing / Leatherback Sea Turtle (*Dermochelys coriacea*)



4. Penyu Lipas / Olive Ridley Turtle (*Lepidochelys Olivacea*)



➤ Santuari Penyu












1. Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Dungun

2. Pusat Santuari Penyu Ma'Daerah, Kerteh

➤ Peranan: menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pemuliharaan serta pemantauan aktiviti pendaratan penyu di seluruh pantai dan sekitar pulau-pulau di Negeri Terengganu serta melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran Awam Penyu.



## Senarai Pusat-Pusat Pemuliharaan Penyu di Negeri Terengganu

- Daerah Kemaman, Terengganu
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Geliga, Chukai
  -  Pusat Santuari Penyu Ma' Daerah, Kerteh
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Cagar Hutan, Kerteh
  
- Daerah Dungun
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu dan Tuntung Laut, Rhu Kudung, Paka
  -  Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang
  
- Daerah Kuala Terengganu
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Mak Kepit, Pulau redang
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu mak Simpan, Pulau Redang
  
- Daerah Setiu
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Telaga Papan 1
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Telaga Papan 2
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Kuala Baharu Selatan
  
- Daerah Besut
  -  Pusat Pemuliharaan Penyu Pantai Tiga Ruang, Pulau Perhentian

## Peranti Penyisih Penyu / *Turtle Excluder Device* ( TED )

Jabatan Perikanan telah menjalankan kajian berkaitan penggunaan Peranti Penyisih Penyu atau *Turtle Excluder Device* (TED) bersama Syarikat Hunstman-Tioxide (M) Sdn. Bhd. TED diperbuat daripada aluminium atau galvani yang dipasang di bahagian hadapan keroncong pukot tunda bagi tujuan menyelamatkan penyu atau mamalia marin yang terperangkap untuk keluar daripada pukot tersebut.



Peranti TED yang dipasang pada pukot tunda memudahkan penyu keluar daripada pukot

Penglibatan Malaysia ( Jabatan Perikanan Malaysia ) berkaitan dengan pengurusan dan pemuliharaan penyu di peringkat global adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Nama Perjanjian</b>	<b>Tarikh Perjanjian</b>
1.	<b>MOU dalam Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu di peringkat Negara-Negara Asean Perlantikan Sebagai “ Lead Agency “</b>	<b>1997</b>
2.	<b>Memorandum of Agreement Between The Government of Malaysia and The Republic Of The Philippines On The Established Of The Turtle Island Heritage Protected Area ( TIHPA )</b>	<b>1966</b>
3.	<b>MOU On The Conservation and Management of Marine Turtles and their Habitats of the Indian Ocean and South – East Asia</b>	<b>2011</b>

*\*Isi kandungan hanya dalam Bahasa Malaysia sahaja*